

Perlumbaan senjata negara membangun

Harian Metro 16/05/2010 M/S 20


Peningkatan pembelian senjata dikhuatiri cetus ketidakstabilan

STOCKHOLM: Negara membangun, terutama di rantau yang tidak stabil membabitkan diri dalam perlumbaan senjata dengan memperuntukkan sejumlah besar bajetnya untuk membeli lebih banyak pesawat pejuang sejak lima tahun lalu.

Institut Penyelidikan Keamanan Antarabangsa Stockholm (Sipri) mendakwa, penjualan senjata dunia meningkat 22 peratus antara 2005 hingga 2009 berbanding 2000 hingga 2004 dalam laporannya semalam.

Daripada jumlah itu, 27 peratus dibelanjakan untuk membeli pesawat pejuang sepanjang tempoh itu.

"Tempahan dan penghantaran sistem pertahanan yang menimbulkan ketidakstabilan serantau menyebabkan negara berlumba-lumba membeli senjata kerana bimbang ketegangan yang



LATIH...tentera Amerika melatih tentera Algeria menggunakan senjata. Negara Afrika itu tersenarai antara 10 pengimport senjata terbesar.

timbul terutama di Timur Tengah, Afrika Utara, Amerika Selatan, Asia Selatan dan Asia Tenggara." Menurut pakar bertang-


gungjawab terhadap laporan itu, Paul Holtom, negara yang kaya dengan sumber alam menerajui trend itu dengan membelanjakan hasil

kekayaan mereka untuk meningkatkan kemampuan pertahanan udara.

"Negara jiran bertindak balas dengan membuat tem-



CANGGIH...perlumbaan membeli senjata di negara membangun boleh mencetuskan kebimbangan negara jiran.



MODEN...Singapura antara negara di Asia Tenggara yang terawal memiliki kapal selam.

pahan dan tindakan itu boleh dipersoal kerana dilakukan ketika kadar kemiskinan masih tinggi di kalangan rakyat," katanya.

lam 10 negara pengimport senjata terbesar dunia sejak perang Vietnam. Singapura tersenarai di tempat ketujuh.

Sipri mendapati import senjata meningkat 150 peratus di Amerika Selatan.

"Kami memperoleh bukti pembelian senjata oleh negara di benua itu dan bukti ini menunjukkan kita perlu melaksanakan pendekatan lebih terbuka dan menjalin kerjasama lebih erat bagi mengendurkan ketegangan yang wujud di rantau ini," kata pakar Sipri di Amerika Latin, Mark Bromley.

Brazil pada masa ini mempertimbangkan untuk membeli 36 pesawat pejuang, sama ada buatan Perancis, Rafale, Gripen yang dihasilkan Sweden atau jet F/A-18 buatan Amerika Syarikat.

Asia Tenggara turut menyaksikan peningkatan drastik dengan Malaysia mengungguli senarai dengan peningkatan import senjata se-

"Pembelian senjata oleh negara Asia Tenggara mungkin menyebabkan rantau itu tidak stabil sekali gus mampu memusnahkan keamanan yang dikecapi berdekad lamanya," kata pakar Sipri di Asia, Siemon Wezeman.

Vietnam turut meningkatkan kemampuan persenjataannya, termasuk menempah kapal selam dan pesawat pejuang jarak jauh pada tahun lalu.

Seperti Singapura, Algeria yang berada di tempat kesembilan, turut tersenarai sebagai 10 pengimport senjata terbesar buat pertama kali.

AS kekal sebagai pengeksport terbesar senjata dengan 30 peratus daripada nilai senjata yang dijual di seluruh dunia. Rantau Asia Pasifik membeli 39 peratus daripada senjata keluaran AS diikuti